KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	16.05.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Gajah berkeliaran di rumah cikgu di Felda Chiku 3

GUA MUSANG – Seorang guru yang tinggal di Felda Chiku 3 di sini, terkejut dengan kehadiran seekor gajah liar yang dilihat berkeliaran di halaman rumahnya kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 7 malam itu, gajah dewasa itu dikesan berada di belakang rumah penduduk kampung sebelum dilihat berada di halaman rumah seorang guru dan rumah kedai di kawasan berhampiran.

Zaini Musa yang bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chiku 2 di sini, berkata, dia terkejut selepas menyedari haiwan itu berada di halaman rumahnya dan memusnahkan tanaman dan pagar.

Katanya, ia merupakan kejadian pertama sepanjang 21 tahun menetap di kawasan tersebut.



ZAINI menunjukkan kawasan halaman rumahnya yang menjadi tempat gajah liar berkeliaran di Felda Chiku 3, Gua Musang kelmarin.

"Ketika kejadian, saya berada di dapur dan terdengar bunyi pelik sebelum mengintai melalui cermin tingkap dan melihat seekor gajah di halaman rumah.

"Saya terkejut melihat gajah yang bersaiz besar itu dan ketinggiannya dianggarkan melebihi pagar sekolah di kawasan berhampiran," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Zaini berkata, gajah itu dilihat berlegar-legar di halaman rumahnya lebih setengah jam sebelum dia menghubungi jiran bagi meminta bantuan.

Katanya, sebelum bantuan tiba, gajah itu dilihat sempat berehat dan minum air di dalam kolam halaman rumahnya.

"Tidak lama kemudian, jiran saya telah bertindak menghalau gajah itu dan haiwan tersebut dilihat masuk ke kawasan hutan berhampiran.

"Sebelum ini, peneroka kelapa sawit pernah melihat seekor gajah di kawasan kebun mereka berhampiran kawasan ini," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan, Mohamad Hafid Rohani ketika dihubungi berkata, pihaknya menerima aduan berkaitan kehadiran gajah liar di kawasan penempatan Felda Chiku 3.

Katanya, kawalan dan pemantauan telah dilakukan, malah lokasi kejadian terletak kira-kira kira-kira 15 kilometer dari Hutan Simpan Relai yang dipercayai menjadi habitat gajah berkenaan.